

23 APR 2001

MAHATHIR-(PELABURAN SWASTA)

PELABURAN SWASTA TERUS JADI PENGGERAK PERTUMBUHAN EKONOMI

KUALA LUMPUR, 23 April (Bernama) -- Pelaburan swasta akan terus menjana pertumbuhan ekonomi dengan pertumbuhan purata sebanyak 19 peratus setahun dalam tempoh lima tahun Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8), kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Ketika membentangkan usul mengenai RMK-8 di sini, Perdana Menteri berkata bahagian pelaburan swasta kepada jumlah pelaburan dijangka mencapai 68.7 peratus pada tahun 2005.

Walau bagaimanapun, pelaburan swasta pada harga semasa perlu ditingkatkan melebihi sekali ganda kepada RM105.5 bilion pada tahun 2005 daripada RM42.9 bilion pada tahun 2000, katanya.

Dr Mahathir berkata dalam tempoh RMK-8, pasaran modal terutamanya pasaran sekuriti hutang swasta serta tabung pencen dan kumpulan wang merupakan sumber pembiayaan yang penting bagi pelaburan sektor ekonomi yang produktif.

Pelaburan asing akan terus menjadi sumber pembiayaan yang penting, meskipun peratusannya kepada jumlah pelaburan dijangka merosot berikutan jangkaan pertumbuhan pelaburan dalam negeri yang lebih tinggi dan peningkatan persaingan diperingkat antarabangsa untuk mendapatkan pelaburan langsung asing (FDI), katanya.

Penggunaan swasta sebenar pula diunjur meningkat 7.4 peratus setahun selaras dengan jangkaan peningkatan dalam pendapatan per kapita kepada RM17,780 pada tahun 2005 daripada RM13,360 pada tahun 2000, katanya.

Peningkatan swasta per kapita diramalkan meningkat kepada RM9,070 pada tahun 2005 daripada RM6,200 pada tahun 2000 berikutan peningkatan dalam pendapatan bolehguna.

Perdana Menteri berkata keluaran dalam negara kasar (KDNK) diramal berkembang pada kadar purata 7.5 peratus setahun dengan kadar inflasi yang rendah.

Bagi mengekalkan inflasi rendah, langkah untuk memperkukuhkan pengeluaran makanan dalam negeri akan terus dilaksanakan terutamanya dengan menyediakan tanah yang sesuai dan menggalakkan inisiatif bersama sektor awam dan swasta bagi meningkatkan bekalan makanan dan seterusnya mengurangkan import.

Selain itu, kerajaan akan memastikan pertumbuhan penawaran wang adalah selaras dengan usaha mengekalkan kestabilan harga dan melaksanakan dasar fiskal yang berhemat.

Strategi membendung inflasi akan melibatkan penguatkuasaan penggunaan tanda harga dan membentaras kenaikan harga barangan sewenang-wenangnya, mencegah amalan perniagaan yang tidak sihat dan memantau harga barangan keperluan asas bagi golongan berpendapatan rendah.

"Langkah untuk menggalakkan automasi dan teknik penjimatan buruh serta serta meningkatkan penyertaan lebih ramai wanita dan pesara dalam pasaran buruh akan terus dilaksanakan bagi menyederhanakan tekanan permintaan buruh dan memastikan kenaikan upah adalah setimpal dengan pertumbuhan produktiviti.

"Di samping itu, dengan terdapatnya barangan import yang murah di pasaran tempatan, Indeks Harga Pengguna (IHP) dijangka kekal pada paras yang rendah," tambah Dr Mahathir.

Beliau berkata dalam keadaan ekonomi negara semakin matang, pergantungan kepada input buruh dan modal akan berkurangan manakala sumbangan produktivi faktor keseluruhannya (TFP) sebagai sumber pertumbuhan

akan terus dipertingkatkan dalam tempoh RMK-8.

Sumbangan TFP kepada sasaran pertumbuhan ekonomi 7.5 peratus setahun dijangka sebanyak 37.2 peratus setahun manakala buruh 21.5 peratus dan modal 41.3 peratus.

Eksport kasar Malaysia dalam tempoh rancangan diunjur berkembang pada kadar purata 7.9 peratus setahun.

Langkah akan diambil bagi menembusi pasaran yang lebih luas antaranya dengan menubuhkan pusat perdagangan, yang akan menyediakan perkhidmatan sokongan untuk mempromosikan keluaran eksport Malaysia, jelasnya.

Dalam tempoh RMK-8, import kasar barangan modal dan perantaraan dijangka berkembang 10.2 peratus setahun manakala akaun semasa imbalan pembayaran diramal terus mancapai lebih walaupun pada kadar yang menurun.

Akaun dagangan imbalan pembayaran dijangka mencatat lebih sebanyak 17.4 peratus daripada keluaran negara kasar (KNK) tetapi akaun perkhidmatan akan terus mengalami defisit sebanyak 11.4 peratus.

Mengenai perbelanjaan pembangunan sektor awam, Dr Mahathir berkata ia dijangka meningkat kepada RM253.4 billion bagi RMK-8 daripada RM222.9 bagi RMK-7. --BERNAMA

MAD ZK